

## MAHATHIR - KECUALI R R R

KUALA LUMPUR, 2 JUN (BERNAMA) -- SATU-SATUNYA KESAN PALING PENTING PERGERAKAN BERKECUALI IALAH MEMBEBASAKAN KEBANYAKAN NEGARA DARIPADA PERLUNYA MEMIHAK DAN SECARA BERSAMA MEMBOLEHKAN MEREKA MEMPUNYAI PENGARUH YANG KUAT MENGENAI HAL EHWAL DUNIA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+KITA BOLEH TERUS BERKECUALI TANPA KEHILANGAN RAKAN,+ KATA PERDANA MENTERI DALAM WAWANCARA BARU-BARU INI DENGAN AKHBAR YUGOSLAVIA, +OSLOBODJENJE.+ NASKHAH WAWANCARA ITU DIKELUARKAN DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA SEJAK PERGERAKAN ITU DILAHIRKAN PADA PERSIDANGAN BELGRADE 25 TAHUN LEPAS, IA TELAH MENJADI PILIHAN KETIGA BAGI KEBANYAKAN NEGARA YANG TIDAK INGIN TERBABIT DALAM KONFRONTASI TIMUR - BARAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN NEGARA-NEGARA BERKECUALI MUNGKIN TIDAK DAPAT, DARIPADA SEGI EKONOMI, MEMBERI KESAN SECARA LANGSUNG KEPADA PERJUANGAN RAKYAT AFRIKA SELATAN, NAMIBIA DAN PALESTIN TETAPI MEREKA MEMPUNYAI PENDIRIAN MORAL YANG TEGUH.

KERANA ITULAH SOKONGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI SANGAT-SANGAT DIKEHENDAKI OLEH KEDUA-DUA PIHAK +DAN INI MEMBERIKAN KUASA PERIMBANGAN YANG KUAT BAGI KITA DAN KITA MEMPUNYAI PENGARUH MORAL MENGENAI BANYAK ISU YANG PENTING DI DUNIA.+ -- LAGI.  
2019MST 02 06 86

D965

B 8352 AAB

## MAHATHIR - KECUALI 2 KUALA LUMPUR R R R

(I)

BELIAU BERKATA PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG AKAN DATANG DI HARARE, ZIMBABWE, PADA BULAN SEPTEMBER, HENDAKLAH MEMBERI TUMPUAN KEPADA PERJUANGAN RAKYAT AFRIKA SELATAN DENGAN MENCAPI KATA SEPAKAT MENGENAI CARA PENDEKATAN DENGAN MEREKA YANG DAPAT MEMPENGARUHI REGIM AFRIKA SELATAN.

+KITA HENDAKLAH BERSATU DALAM PENGGUNAAN APA SAHAJA PENGARUH YANG KITA MILIKI DALAM PENDEKATAN DENGAN MEREKA -- PIHAK-PIHAK AMERIKA DAN EROPAH YANG BERDAGANG DENGAN AFRIKA SELATAN DAN MEMPUNYAI PENGARUH YANG KUAT TERHADAPNYA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGULANGI PENDIRIANNYA BAHAWA KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN -- TERUTAMA DENGAN MENGADAKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN SECARA TERUS -- DAPAT MEMECAHKAN CENGKAMAN NEGARA-NEGARA MAJU KE ATAS EKONOMI MEREKA.

MENGENAI PERLUMBAAN SENJATA TIMUR - BARAT, BELIAU BERKATA BAHAWA INI TIDAK DAPAT DIANGGAP SEBAGAI URUSAN KUASA-KUASA BESAR SAHAJA KERANA NEGARA-NEGARA LAIN JUGA TERLIBAT.

MENGENAI USAHA ANTARABANGSA MEMERANGI DADAH, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA TINDAKAN YANG PALING BERKESAN IALAH MEMBANTU NEGARA-NEGARA BERKENAAN UNTUK MEMUSNAHKAN LADANG POPI DAN ALAT-ALAT UNTUK MENGELUARKAN DADAH. -- LAGI.

1827MST 02 06 86

B B353 AAB

MAHATHIR - KECUALI 3 KUALA LUMPUR R R R

(I)

KATANYA, ALASAN BAHAWA PENGELUAR DADAH IALAH ORANG MISKIN, DAN TIDAK ADA SATU PUN RANCANGAN YANG DILAKSANAKAN UNTUK MEMBANTU MEREKA KECUALI MEREKA DIBERIKAN SUMBER PENDAPATAN YANG LAIN, TIDAK DAPAT DITERIMA.

+BANYAK ORANG MISKIN DI MALAYSIA TETAPI MEREKA TIDAK MENANAM POKOK POPI,+ TAMBAHNYA.

+APABILA ANDA MENANAM POPI ANDA SEBENARNYA MEMBUNUH DAN MEMBINASAKAN BANYAK ORANG, MENYEBABKAN PENDERITAAN KEPADA DUNIA,+ TEGASNYA.

MENGENAI MEDIA DUNIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA BIDANG INI DIKUASAI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU KHUSUSNYA NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN; MAKA NEGARA-NEGARA BERKECUALI TIDAK DAPAT MEMBANTU DIRI MEREKA DARIPADA SEGI MEMPEROLEH LAPORAN YANG SEBENARNYA SATU SAMA LAIN DENGAN CARA MENGHUBUNGI AGENSI-AGENSI BERITA MEREKA.

KETIKA DITANYA MENGENAI KEJAYAAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA BERBILANG MASYARAKAT DAN AGAMA, PERDANA MENTERI BERKATA INI KERANA ADA KERAJAAN YANG KUAT YANG MEWAKILI SEMUA KUMPULAN MASYARAKAT DAN AGAMA.

MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA-YUGOSLAVIA, BELIAU BERKATA TUMPUAN IALAH KEPADA PERDAGANGAN; DENGAN SETIAP NEGARA INGIN MENJADI PUSAT PENGAGIHAN UNTUK PENGELUARAN Masing-masing. -- BERNAMA.

1834MST 02 06 86